




Kementerian Kesihatan Malaysia

GARIS PANDUAN PENGURUSAN MALARIA KNOWLESI DI MALAYSIA




SEKTOR PENYAKIT BAWAAN VEKTOR
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Edisi 1/2025



Kementerian Kesihatan Malaysia

GARIS PANDUAN PENGURUSAN MALARIA KNOWLESI DI MALAYSIA



**SEKTOR PENYAKIT BAWAAN VEKTOR
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Edisi 1/2025

GARIS PANDUAN PENGURUSAN MALARIA KNOWLESI DI MALAYSIA Edisi 1/2025

e ISBN 978-629-94006-0-8



Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia

(online)



KATA ALUAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Berdasarkan surveilan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bilangan kes malaria knowlesi di Malaysia telah meningkat daripada 376 kes pada tahun 2008 kepada 4,131 kes pada tahun 2018. Pada tahun 2022, kes malaria knowlesi menyumbang 89.2% (2505 kes) daripada jumlah keseluruhan kes malaria di Malaysia.

Menyedari potensi ancaman yang disebabkan oleh malaria knowlesi, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh KKM dalam mengawal dan mencegah jangkitan ini. Pelbagai aktiviti dan tindakan yang telah diambil adalah menyediakan perkhidmatan diagnosis molekul untuk malaria sejak tahun 2009 di Makmal Kesihatan Awam Negeri dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan bersama-sama dengan Institut Penyelidikan Perubatan. Dalam lebih 10 tahun ini, pelbagai intervensi telah dilakukan termasuk mengkaji keberkesanan semburan residu bagi kawalan vektor *P. knowlesi* dan pelaksanaan program surveilan molekul malaria. KKM juga berkolaborasi dengan institut tempatan dan antarabangsa dalam kajian jangkitan malaria knowlesi untuk mengenalpasti langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengawal populasi *Macaca* bersama pelbagai agensi.

Berasaskan kepada keperluan semasa, Sektor Penyakit Bawaan Vektor telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan Malaria Knowlesi di Malaysia. Saya dimaklumkan oleh Program bahawa Garis Panduan ini adalah bersifat *interim*. Dari masa ke semasa, semakan semula akan dilakukan oleh Program berlandaskan kepada kajian-kajian malaria zoonotik yang terkini. Diharapkan Garis Panduan ini dapat membantu anggota kesihatan dalam merancang dan melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan malaria knowlesi serta seterusnya menurunkan beban penyakit malaria knowlesi.

Saya turut mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan Garis Panduan Pengurusan Malaria knowlesi di Malaysia.

DATUK DR. NORHAYATI BINTI RUSLI

PENASIHAT

Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

JAWATANKUASA PENYEDIA

Bahagian Kawalan Penyakit

Dr. Jenarun Jelip

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor

Dr. Koay Teng Khoon

Ketua Sektor
Penyakit Bawaan TB & Kusta

Dr. Tam Jenn Zhueng

Ketua Unit Malaria
Sektor Penyakit Bawaan Vektor

Cik Perada Wilson Putit

Pegawai Sains (Kaji Serangga)
Ketua Sektor Entomologi & Pest

Dr. Mohd Hafizi Bin Abdul Hamid

Ketua Pen. Pengarah Kanan (Malaria)
Sektor Penyakit Bawaan Vektor

Tuan Hj. Kamilan B. Demin

Pegawai Sains (Kaji Serangga)
Sektor Entomologi & Pest

Cik Ong Chia Ching

Pegawai Kesihatan Persekitaran
Sektor Penyakit Bawaan Vektor

Cik Nur Ziana Binti Abdullah Sani

Pegawai Sains (Kaji Serangga)
Sektor Entomologi & Pest

En. Ahmad Shah Bin Ibrahim

Penolong Pegawai Kesihatan
Persekitaran
Sektor Penyakit Bawaan Vektor

Institut Penyelidikan Perubatan

Dr. R. Shamilah R. Hisam

Ketua Unit Parasitologi

Dr Noor Azian Md Yusuf

Pegawai Penyelidik

Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

Dr. Zulhainan bin Hamzah

Ketua Seksyen Parasitologi & Mikologi

PENYEMAK LUAR

Semua Ketua Penolong Pengarah Kanan (Vektor) di Jabatan Kesihatan Negeri

AKRONIM

ACD	: Active Case Detection
ACT	: <i>Artemisinin-based Combination Therapy</i>
A.I	: <i>Active Ingredients</i>
BFMP	: <i>Blood Film for Malaria Parasite</i>
CDCIS	: <i>Communicable Diseases Control Information System</i>
DBR	: Daerah Beban Rendah
DBT	: Daerah Beban Tinggi
DRS	: <i>Drug Response Surveillance</i>
GIS	: <i>Geographical Information System</i>
GR	: <i>Geographical Reconnaissance</i>
IMR	: Institut Penyelidikan Perubatan
IRS	: <i>Indoor Residual Spraying</i>
ITC	: <i>Insecticide Treated Clothing</i>
ITN	: <i>Insecticide Treated Net</i>
KKM	: Kementerian Kesihatan Malaysia
LLIN	: <i>Long-Lasting Insecticidal Net</i>
MAGICs.ME	: <i>Malaria Geo-reference Information & Coordination System for Malaria Elimination</i>
MBR	: Mukim Beban Rendah
MBT	: Mukim Beban Tinggi
MKA	: Makmal Kesihatan Awam
MKAK	: Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
MyEntoPest	: Sistem Informasi Entomologi dan Pest
MyFoci	: Sistem Pengurusan Data Foci
ORS	: <i>Outdoor Residual Spraying</i>
PAKEPA	: Penilaian Awal Kesesuaian Ekologi Pembiakan <i>Anopheles</i>
PCD	: <i>Passive Case Detection</i>
PCR	: <i>Polymerase Chain Reaction</i>

PERHILITAN: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung
Malaysia

PKD : Pejabat Kesihatan Daerah

PPE : *Personal Protective Equipment*

PPKP : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

PSMMK : Program Survelan Molekular Malaria Kebangsaan

RDT : *Rapid Diagnostic Test*

SC-PE : *Polymer-Enhanced Suspension Concentrate*

SPBV : Sektor Penyakit Bawaan Vektor

VEKPRO : Sistem Laporan Penyakit Bawaan Vektor dan Wabak Penyakit

GARIS PANDUAN PENGURUSAN MALARIA KNOWLESI DI MALAYSIA

Kandungan

KATA ALUAN	iii
PENASIHAT	iv
JAWATANKUASA PENYEDIA	iv
PENYEMAK LUAR	iv
AKRONIM	v
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 <i>Objektif Garis Panduan</i>	1
1.2 <i>Epidemiologi malaria knowlesi di Malaysia</i>	1
1.3 <i>Taburan malaria knowlesi mengikut aktiviti berisiko</i>	3
1.4 <i>Vektor P. knowlesi</i>	3
1.5 <i>Faktor penyumbang kepada peningkatan jangkitan P. knowlesi di Malaysia</i>	4
1.6 <i>Faktor risiko jangkitan P. knowlesi di Malaysia</i>	5
BAB 2 SURVELAN PENYAKIT MALARIA KNOWLESI	6
2.1 <i>Diagnosa</i>	6
2.2 <i>Program Survelan Molekul Malaria Kebangsaan (PSMMK)</i>	6
2.3 <i>Definisi Kes</i>	7
2.4 <i>Notifikasi Kes</i>	7
2.5 <i>Siasatan Kes</i>	8
2.6 <i>Klasifikasi kes malaria knowlesi</i>	8
2.7 <i>Pendaftaran kes malaria knowlesi</i>	9
2.8 <i>Survelan Kerintangan Ubat (Drugs Response Surveillance)</i>	9
BAB 3 PENGURUSAN KES MALARIA KNOWLESI SEMASA	10
3.1 <i>Rawatan kes</i>	10
3.2 <i>Susulan kes</i>	10
3.3 <i>Saringan kontak</i>	10
3.4 <i>Intervensi mengikut klasifikasi kes</i>	10
3.5 <i>Pengurusan jangkitan peridomestik</i>	12
3.6 <i>Pengurusan kes bukan peridomestik</i>	14
3.7 <i>Pengurusan kes malaria knowlesi import</i>	15

BAB 4 KAWALAN DAN PENCEGAHAN MALARIA KNOWLESI JANGKA PANJANG	16
4.1 <i>Stratifikasi beban penyakit</i>	16
4.2 <i>Penentuan lokaliti keutamaan.....</i>	16
4.3 <i>Pelaksanaan intervensi mengikut stratifikasi beban penyakit.....</i>	17
BAB 5 KAWALAN VEKTOR <i>P. knowlesi</i>	18
5.1 <i>Kaedah kawalan vektor <i>P. knowlesi</i>.....</i>	18
5.2 <i>Pelaksanaan kawalan vektor utama</i>	20
5.3 <i>Penilaian Keberkesanan Semburan ORS Melalui Bioassay.....</i>	22
5.4 <i>Keputusan untuk memberhentikan kawalan vektor utama <i>P. knowlesi</i></i>	22
5.5 <i>Pelaksanaan kawalan vektor sokongan</i>	23
BAB 6 ENTOMOLOGI	24
6.1 <i>Aktiviti Kajian Entomologi</i>	25
6.2 <i>Tempoh Pelaksanaan</i>	26
6.3 <i>Pelaporan Hasil Kajian Entomologi.....</i>	26
BAB 7 ADVOKASI.....	27
7.1 <i>Rawatan kemoprofilaksis.....</i>	27
7.2 <i>Pencegahan dari Gigitan Nyamuk</i>	27
7.3 <i>Pendidikan Kesihatan</i>	28
BAB 8 POPULASI MONYET MACACA SP.	29
8.1 <i>Pengenalan</i>	29
8.2 <i>Konflik Kera-Manusia</i>	29
8.3 <i>Strategi Bersepadu Kawalan Populasi Macaca</i>	29
BAB 9 PENDEKATAN BERSEPADU KAWALAN DAN PENCEGAHAN MALARIA KNOWLESI DI MALAYSIA.....	30
RUJUKAN.....	31
LAMPIRAN 1A	33
<i>PROSEDUR PERMOHONAN UJIAN MOLEKULAR PROGRAM SURVEILAN MOLEKULAR MALARIA KEBANGSAAN (PSMMK).....</i>	33
LAMPIRAN 1B	34
<i>PROSEDUR UJIAN MAKMAL PCR BAGI MALARIA</i>	34
LAMPIRAN 1C	35
<i>BORANG PERMOHONAN UJIAN PERKHIDMATAN PATOLOGI.....</i>	35
<i>(BORANG PER-PAT 301).....</i>	35

LAMPIRAN 2	36
<i>BORANG NOTIFIKASI PENYAKIT BERJANGKIT</i>	36
LAMPIRAN 3	37
<i>BORANG SIASATAN KES MALARIA</i>	37
LAMPIRAN 4	46
<i>PENENTUAN LOKALITI PENDAFTARAN KES MALARIA KNOWLESI</i>	46
LAMPIRAN 5	49
<i>LAPORAN AWAL KLUSTER MALARIA KNOWLESI</i>	49
LAMPIRAN 6	53
<i>LAPORAN HARIAN KLUSTER MALARIA KNOWLESI</i>	53
LAMPIRAN 7A	54
<i>SENARAI DAERAH MALARIA KNOWLESI BERDASARKAN STRATIFIKASI BEBAN PENYAKIT MALARIA KNOWLESI</i>	54
LAMPIRAN 7B	55
<i>SENARAI LOKALITI MALARIA KNOWLESI</i>	55
LAMPIRAN 8	56
<i>PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN ORS DAN EDARAN LLIN UNTUK KAWALAN VEKTOR P.KNOWLESI</i>	56
LAMPIRAN 9	59
<i>RAWATAN MALARIA KNOWLESI</i>	59
LAMPIRAN 10	60
<i>PENGUNAAN PROFILAKSIS UNTUK MALARIA</i>	60

BAB 1 PENGENALAN

P. knowlesi adalah parasit malaria yang disebarkan dalam kalangan perumah (host) monyet melalui vektor nyamuk *Anopheles*. Jangkitan malaria knowlesi pada manusia berlaku apabila manusia berada berhampiran dengan populasi monyet dan digigit nyamuk *Anopheles* terinfeksi *P. knowlesi*. Monyet jenis kera (*Macaca fascicularis*) dan beruk (*Macaca nemestrina*) adalah perumah semulajadi (*natural host*) kepada *P. knowlesi*¹.

1.1 Objektif Garis Panduan

Objektif Umum

Menyediakan panduan dan rujukan kepada anggota kesihatan dalam pengurusan penyakit malaria knowlesi.


Objektif Khusus

- i. Memaklumkan polisi pengurusan penyakit malaria knowlesi di Malaysia.
- ii. Memaklumkan tindakan kawalan dan pencegahan penyakit malaria knowlesi yang perlu diambil.


1.2 Epidemiologi malaria knowlesi di Malaysia

Jangkitan *P. knowlesi* mula dilaporkan di Malaysia pada tahun 2008 dengan 376 kes dan mencatatkan bilangan kes tertinggi pada tahun 2018 dengan 4,131 kes (**Gambarajah 1**). Insiden malaria knowlesi di Malaysia juga meningkat dari 0.01 per 1,000 penduduk pada tahun 2008 dan mencatatkan insiden yang tertinggi pada tahun 2018 dengan 0.13 per 1,000 penduduk. Walaupun insiden malaria knowlesi di Malaysia masih kurang 1 per 1,000 populasi, terdapat daerah yang insiden malaria knowlesi melebihi 1 per 1,000 penduduk.

Pada tahun 2022, malaria knowlesi menyumbang **89.2%** (2505 kes) daripada jumlah keseluruhan malaria di Malaysia. Dari kes malaria knowlesi, Negeri Sabah menyumbang bilangan kes malaria knowlesi terbanyak (59.5%, 1491 kes) diikuti Negeri Sarawak (23.3%, 585 kes), Negeri Kelantan (5.6%, 142 kes) dan Perak (3.2%, 80 kes). Taburan kes malaria knowlesi mengikut negeri pada tahun 2022 seperti di **Gambarajah 2**.




Gambarajah 1: Tren bilangan kes malaria di Malaysia, 2000-2022



Gambarajah 2: Taburan Kes Malaria knowlesi Mengikut Negeri tahun 2022

1.3 Taburan malaria knowlesi mengikut aktiviti berisiko

Pada tahun 2022, aktiviti berisiko yang menyumbang kepada jangkitan *P. knowlesi* di Malaysia adalah pertanian (57%) diikuti perladangan (17%), pembinaan (5%), pembalakan (5%) dan sebagainya (**Gambarajah 3**).



Gambarajah 3: Taburan kes malaria knowlesi mengikut aktiviti berisiko, Malaysia, 2022

1.4 Vektor *P. knowlesi*


Transmisi *P. knowlesi* di Malaysia berlaku daripada monyet kepada manusia melalui gigitan nyamuk spesies *Anopheles* daripada kumpulan *leucosphyrus*. Dua (2) spesies daripada kumpulan *leucosphyrus* ini iaitu *An. balabacensis* dan *An. donaldi* juga merupakan vektor penyakit malaria manusia (human malaria) di Sabah dan Sarawak. Bagaimanapun, jangkitan malaria knowlesi antara manusia ke manusia belum terbukti berlaku¹.

Berikut adalah spesies nyamuk yang menjadi vektor *P. knowlesi*:

- i. Semenanjung Malaysia: *Anopheles cracens* dan *Anopheles introlatus*
- ii. Sabah: *Anopheles balabacensis*⁶ dan *Anopheles donaldi*⁸
- iii. Sarawak: *Anopheles latens*, *Anopheles donaldi* dan *Anopheles balabacensis*⁸

Habitat *An. cracens*, *An. introlatus*, *An. balabacensis* dan *An. latens* lebih kerap dijumpai di kawasan hutan dan ladang berbanding di kawasan perkampungan. Bagaimanapun, habitat *An. balabacensis* juga boleh ditemui di kawasan perkampungan. Manakala, *An. donaldi* pembiakannya lebih menyeluruh di semua habitat melibatkan lopak air, kolam terbiar dan empangan.

Taburan geospasial vektor *P. knowlesi* di Malaysia adalah seperti di dalam **Gambarajah 4**.



Gambarajah 4: Taburan geospasial vektor *P. knowlesi* di Malaysia, 2019-2021

Nota:

An. balabacensis dan *An. donaldi* juga merupakan vektor malaria manusia di Sabah dan Sarawak selain daripada vektor *P. knowlesi*.

1.5 Faktor penyumbang kepada peningkatan jangkitan *P. knowlesi* di Malaysia

Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan jangkitan *P. knowlesi* adalah seperti peningkatan keupayaan makmal di bawah KKM dalam mendiagnosa jangkitan *P. knowlesi* melalui ujian molekular bermula tahun 2009⁹.

Pada masa yang sama, penurunan **jangkitan malaria manusia** secara mendadak dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini di Malaysia menyebabkan penduduk telah kehilangan perlindungan imuniti terhadap jangkitan malaria. Faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan malaria knowlesi adalah perubahan dalam corak tebus guna tanah untuk tujuan pertanian dan perladangan yang mana telah meningkatkan pendedahan penduduk kepada populasi beruk dan kera yang merupakan perumah semulajadi kepada malaria knowlesi¹⁰.

1.6 Faktor risiko jangkitan *P. knowlesi* di Malaysia

Satu (1) kajian retrospektif bagi mengenalpasti faktor risiko jangkitan *P. knowlesi* telah dijalankan di Sabah pada tahun 2016¹³. Hasil daripada kajian tersebut mendapati antara faktor risiko jangkitan *P. knowlesi* di Sabah termasuk umur melebihi 15 tahun, jantina lelaki, pekerjaan petani, aktiviti di ladang sawit atau kebun dan kehadiran monyet macaca di persekitaran mereka. Kajian ini juga mendapati IRS memberi perlindungan dari jangkitan *P. knowlesi* peridomestik (**Jadual 1**).

Jadual 1: Faktor Risiko Jangkitan *P. knowlesi*

Faktor Risiko	OR ^{ad} (95% CI)	p
Umur ≥15 tahun	4.16(2.09–8.29)	<0.0001
Jantina Lelaki	4.20 (2.54 – 6.97)	<0.0001
Telah tinggal di kampung >6 bulan	0.32 (0.13 – 0.76)	0.011
Petani (pekerjaan)	1.89 (1.07 – 3.35)	0.028
Bekerja di ladang sawit dalam 4 minggu kebelakangan	3.50 (1.34 – 9.15)	0.011
Membersihkan kebun dalam 4 minggu kebelakangan	1.89 (1.11 – 3.22)	0.020
Tidur di luar rumah dalam 4 minggu kebelakangan	3.61 (1.48 – 8.85)	0.0049
Mengembara di luar kampung halaman dalam 4 minggu kebelakangan	2.48 (1.45 – 4.23)	0.0010
Kehadiran monyet macaca dalam 4 minggu kebelakangan	3.35 (1.91 – 5.88)	0.0048
IRS < 6 bulan	0.52 (0.31 – 0.87)	0.014
Ruang terbuka pada dinding rumah	2.18 (1.33 – 3.59)	0.0021

OR^{ad}: Adjusted odds ratio

Sumber: Grigg M. J. et al. (2017)

BAB 2 SURVELAN PENYAKIT MALARIA KNOWLESI

Sistem surveilan malaria knowlesi yang terdapat di Malaysia adalah *real time web based surveillance* yang terdiri daripada sistem eNotifikasi, Vekpro, *Malaria Geo-reference Information & Coordination System for Malaria Elimination* (MAGICs.ME) dan myEntoPest. Kes yang disyaki malaria perlu dinotifikasi melalui *sistem Communicable Disease Control Information System* (CDCIS) eNotifikasi. MAGICs.ME dan myEntoPest adalah sistem pemetaan menggunakan *remote-sensing* dan *Geographical Information System* (GIS) bagi menghasilkan peta taburan kes malaria dan taburan vektor malaria di Malaysia.

2.1 Diagnosa

Pemeriksaan melalui mikroskopi agak sukar untuk membezakan morfologi *P. knowlesi* dengan peringkat awal kitaran hidup *P. falciparum* dan peringkat akhir kitaran hidup *P. malariae*. Kaedah diagnosis piawai untuk jangkitan *P. knowlesi* adalah melalui ujian *Polymerase Chain Reaction* (PCR)¹. Makmal rujukan Pengesahan spesies malaria adalah MKAK/MKA.

Setakat ini, belum ada Rapid Diagnostic Test (RDT) yang dapat mengesan *P. knowlesi*.

2.2 Program Survelan Molekular Malaria Kebangsaan (PSMMK)

Sektor Penyakit Bawaan Vektor (SPBV) bersama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah membangunkan PSMMK. Di bawah Program ini, sampel darah positif malaria dari hospital di hantar ke IMR untuk ujian molekular seperti PCR, *genotyping* dan *gene sequencing*. Objektif Program ini adalah untuk membantu:

- i. Pengesahan spesies malaria
- ii. Klasifikasi kes malaria (tempatan/ introduced/ lokaliti/ punca wabak)
- iii. Survelan kerintangan ubat antimalaria (DRS)
- iv. Survelan malaria knowlesi
- v. Siasatan wabak malaria

Prosedur Permohonan Ujian Molekular di bawah Program ini adalah seperti dalam **Lampiran 1A**. Prosedur ujian PCR adalah seperti dalam **Lampiran 1B**. Manakala, borang permohonan ujian molekular adalah seperti dalam **Lampiran 1C**.

2.3 Definisi Kes

2.3.1 Kes disyaki jangkitan *P. knowlesi*

Seseorang dengan tanda dan gejala klinikal seperti berikut:

- Demam
- Sejuk dan menggigil
- Anemia and Jaundis

Atau

Seseorang tanpa tanda atau gejala yang melakukan aktiviti berisiko jangkitan *P. knowlesi* di kawasan atau pinggir hutan atau mempunyai pendedahan kepada monyet seperti:

- Memburu
- Memancing
- Mencari hasil hutan
- Rekreasi
- Penerokaan tanah
- Pembalakan
- Perladangan
- Pertanian
- Pekerjaan lain yang berkaitan dengan hutan

2.3.2 Kes *probable* malaria knowlesi

Kes yang mempunyai keputusan positif *P. knowlesi* melalui BFMP.

2.3.3 Kes disahkan malaria knowlesi (Confirmed case)

Kes yang disahkan positif *P. knowlesi* melalui ujian PCR tanpa mengambil kira kehadiran tanda dan gejala klinikal.

2.4 Notifikasi Kes

Malaria adalah penyakit yang diwajibkan notifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Pemberitahuan atau notifikasi perlu dibuat secara elektronik melalui Sistem Maklumat Penyakit Berjangkit, CDCIS eNotifikasi atau menggunakan Borang Notifikasi Penyakit Berjangkit (Borang Notis: Rev/2010) (**Lampiran 2**).

Semua kes *probable* atau disahkan *P. knowlesi* perlu dinotifikasi dalam masa 24 jam dari tarikh diagnosa ke PKD terdekat untuk memastikan siasatan awal dan langkah kawalan diambil dengan serta-merta¹⁸.

Sekiranya notifikasi diterima secara faks daripada Pengamal Perubatan, Penolong Pegawai Kesihatan & Persekitaran (PPKP) di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) bertanggungjawab untuk memasukkan notifikasi tersebut dalam sistem CDCIS eNotifikasi.

2.5 Siasatan Kes

Semua notifikasi kes malaria knowlesi perlu disiasat dengan menggunakan borang siasatan kes malaria (PEM:EPID 9 REV.1/2021) (**Lampiran 3**) dalam tempoh tiga (3) hari dan didaftar dalam sistem Vekpro.

Objektif siasatan kes malaria knowlesi adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui punca jangkitan kes.
- ii. Mengklasifikasikan kes sebagai jangkitan peridomestik atau bukan peridomestik
- iii. Mengesan kontak kes yang mempunyai risiko jangkitan yang sama.
- iv. Membantu pelaksanaan susulan kes selepas rawatan.
- v. Membantu menentukan pelaksanaan aktiviti kawalan vektor.
- vi. Menentukan lokaliti pendaftaran kes

Maklumat penting yang perlu diperolehi semasa siasatan kes adalah:

- i. Maklumat kehadiran *Macaca sp.*(beruk/kera).
- ii. Alamat tempat tinggal: merujuk kepada alamat tempat tinggal semasa pesakit.
- iii. Punca jangkitan
- iv. Sejarah pergerakan pesakit dua (2) minggu sebelum tarikh onset penyakit.
- v. Maklumat persekitaran di alamat tempat tinggal.

2.6 Klasifikasi kes malaria knowlesi

2.6.1 Malaria knowlesi jangkitan tempatan (Indigenous)

Malaria knowlesi jangkitan tempatan adalah kes yang disahkan jangkitan *P. knowlesi* dengan punca jangkitan kes adalah dalam negara. Siasatan lanjut perlu dibuat untuk menentukan pengelasan jenis jangkitan *P. knowlesi* seperti berikut:

- i. Jangkitan Peridomestik

Punca jangkitan adalah dalam lingkungan 2 km dari tempat tinggal kes atau tempat kes didaftar.

ii. Jangkitan Bukan Peridomestik

Punca jangkitan di luar lingkungan 2 km dari tempat tinggal pesakit atau tempat kes didaftar .

Nota:

Jarak 2 km radius diambil berdasarkan jarak penerbangan *Anopheles sp.*

2.6.2 Malaria knowlesi Import

Kes disahkan jangkitan *P. knowlesi* (confirmed case) dengan punca jangkitan kes adalah dari luar negara.

2.7 Pendaftaran kes malaria knowlesi

2.7.1 Kriteria pendaftaran kes

Semua kes *probable* atau disahkan jangkitan *P. knowlesi* perlu didaftar kes dalam sistem CDCIS eNotis seterusnya dalam sistem Vekpro.

Bagi kes yang positif *P. knowlesi* melalui BFMP, keputusan PCR perlu diperolehi bagi pengesahan kes.

2.7.2 Kaedah penentuan lokaliti pendaftaran kes

Pendaftaran kes malaria knowlesi adalah berdasarkan lokaliti punca jangkitan. Walau bagaimanapun, kebanyakan jangkitan *P. knowlesi* mungkin berpunca dari kawasan hutan. Keadaan ini menyebabkan penentuan lokaliti untuk pendaftaran kes malaria knowlesi menjadi sukar.

Dalam keadaan di mana punca jangkitan adalah di kawasan hutan, kes malaria knowlesi didaftar di lokaliti penempatan berdekatan yang kurang daripada 2 km radius dari punca jangkitan. Sekiranya, tiada penempatan dalam lingkungan 2 km dari punca jangkitan, kes didaftarkan di punca jangkitan sebenar. Contoh kaedah penentuan lokaliti pendaftaran malaria knowlesi adalah seperti di **Lampiran 4**.

2.8 Survelan Kerintangan Ubat (Drugs Response Surveillance)

Malaysia melaksanakan surveilan kerintangan ubat anti malaria bagi kesemua spesis malaria termasuk *P. knowlesi*. Susulan kes perlu dijalankan pada hari ke-1, 2, 3, 7, 14, 21 dan 28 selepas rawatan³.

Survelan Kerintangan Ubat bagi malaria knowlesi adalah sama seperti malaria manusia yang lain.

BAB 3 PENGURUSAN KES MALARIA KNOWLESI SEMASA

Pengurusan kes malaria knowlesi terbahagi kepada dua aspek utama iaitu, **pengurusan klinikal** dan **pengurusan kesihatan awam**. Pengurusan klinikal malaria knowlesi melibatkan rawatan pesakit dan susulan kes.

3.1 Rawatan kes

Kajian klinikal yang telah dijalankan untuk rawatan jangkitan *P. knowlesi* menunjukkan bahawa kedua-dua rawatan menggunakan *chloroquine* dan Artemisinin Combination Therapy (ACT) berkesan untuk rawatan malaria knowlesi².

Walau bagaimanapun, rawatan menggunakan ACT memberi kesan *parasite clearance* yang lebih cepat dan dengan kesan sampingan yang minima. Polisi rawatan jangkitan *P. knowlesi* di Malaysia adalah menggunakan ACT sebagai rawatan utama (*1st line treatment*)³. Regim rawatan malaria knowlesi adalah seperti di **LAMPIRAN 9**.

3.2 Susulan kes


Tindakan susulan kes perlu dilaksanakan pada hari ke-7, 14, 21, 28 dan 42 selepas rawatan dengan melibatkan pengambilan sampel BFMP.

3.3 Saringan kontak

Setiap kes malaria perlu dinotifikasi dan seterusnya disiasat, termasuk saringan kepada semua kontak rapat termasuk kes import. Definisi kontak rapat adalah seperti dalam Borang Siasatan Kes Malaria (PEM: EPID 9 REV.1/2021) (**Lampiran 3**).

3.4 Intervensi mengikut klasifikasi kes

Selepas notifikasi dan siasatan, kes malaria perlu diklasifikasikan kerana intervensi kesihatan awam bergantung kepada pengkelasan kes ini. Intervensi bagi malaria knowlesi mengikut klasifikasi kes dipaparkan dalam **Gambarajah 5**. Matriks intervensi mengikut klasifikasi kes dipaparkan dalam **Jadual 2**



Gambarajah 5: Intervensi mengikut klasifikasi malaria knowlesi

Jadual 2: Matriks Pengurusan malaria knowlesi mengikut klasifikasi punca jangkitan

BIL	INTERVENSI	JANGKITAN TEMPATAN			JANGKITAN IMPORT
		Jangkitan Peridomestik		Jangkitan Bukan Peridomestik	
		Jangkitan Sporadik	Jangkitan Kluster		
1	Siasatan kes	✓	✓	✓	✓
2	Rawatan	✓	✓	✓	✓
3	Susulan Kes	✓	✓	✓	✓
4	Saringan Kontak	✓	✓	✓	✓
5	ACD	x	✓	x	x
6	ORS	✓*	✓ [#]	x	x
7	LLIN	x	x	x	x
8	Larvaciding	✓	✓	x	x
9	Kajian Entomologi	✓ [¥]	✓	✓ [¥]	✓ [¥]
10	Bioassay untuk ORS	x	✓	x	x
11	Pendidikan Kesihatan	✓	✓	✓	✓
12	Kawalan populasi macaca	x	✓	x	x
13	Kerjasama pelbagai agensi	✓	✓	✓	✓

Nota:

* - untuk tempoh enam (6) bulan

- untuk tempoh setahun

¥ - jika kematian malaria knowlesi dilaporkan

✓ - Perlu

x - Tidak perlu

3.5 Pengurusan jangkitan peridomestik

Pengurusan kes malaria knowlesi jangkitan peridomestik berbeza mengikut skala kejadian kes, iaitu sama ada satu (1) kes (sporadik) atau kluster.

3.5.1 Pengurusan satu (1) kes

Pengurusan kes malaria knowlesi (jangkitan peridomestik) merangkumi aspek seperti berikut:

- i. Rawatan kes dan susulan kes
- ii. Saringan kontak
- iii. Kawalan vektor *P. knowlesi*
 - Semburan ORS perlu dilengkapkan dalam lima (5) hari untuk meliputi semua premis kediaman di lokaliti pendaftaran kes.
 - *Larviciding* jika pembiakan atau tempat potensi pembiakan ditemui di lokaliti pendaftaran kes.

- iv. Kajian entomologi jika kes kematian dilaporkan
- v. Pendidikan kesihatan mengenai pencegahan jangkitan dan gigitan nyamuk.

3.5.2 Pengurusan kluster malaria knowlesi

i. Definisi kluster malaria knowlesi

Terdapat dua (2) atau lebih kes malaria knowlesi didaftarkan di lokaliti yang sama, di mana onset kes kedua atau seterusnya berlaku dalam tempoh 14 hari daripada onset kes pertama.

Tarikh mula kluster: Tarikh notifikasi **kes kedua** malaria knowlesi diterima.

Tarikh tamat kluster: Selepas **42 hari** daripada tarikh notifikasi kes malaria knowlesi terakhir.

Tarikh lapor kluster: Dalam tempoh **24 jam** selepas tarikh notifikasi kes kedua malaria knowlesi.

ii. Objektif pengurusan kluster malaria knowlesi:

Objektif Umum:

- a. Mengesahkan kejadian kluster
- b. Menentukan punca jangkitan dan klasifikasi punca jangkitan
- c. Menentukan intervensi yang sesuai berdasarkan punca jangkitan dan klasifikasi jangkitan.
- d. Mengesan jangkitan kes baru dalam lokaliti kluster malaria knowlesi
- e. Memutuskan transmisi jangkitan di lokaliti kluster malaria knowlesi

Objektif Khusus:

- a. Merancang dan melengkapkan melaksanakan intervensi kawalan yang berkesan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notifikasi kes ke-2.
- b. Mengawal kluster dalam tempoh 42 hari dari **tarikh kluster malaria knowlesi** diisytiharkan.

iii. Sistem pelaporan kluster malaria knowlesi

- a. Laporan awal pelaporan kluster malaria knowlesi (**Lampiran 5**) perlu dihantar dalam tempoh 24 jam secara emel kepada Unit Malaria, KKM apabila kluster didaftarkan.
- b. Laporan harian (**Lampiran 6**) perlu dihantar secara emel kepada Unit Malaria, KKM apabila terdapat pertambahan kes dan maklumat pengurusan kawalan kluster sehingga kluster tamat.

iv. Kawalan kluster malaria knowlesi

Kawalan kluster jangkitan peridomestik merangkumi aspek seperti berikut:

- a. Menyiasat kes dan mengenalpasti punca jangkitan kes dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh kes dinotifikasikan
- b. Saringan kontak kepada kes.
- c. Rawatan kes.
- d. Tindakan susulan (*Follow up* pada hari ke-7, 14, 21 dan 28 selepas rawatan).
- e. Kawalan vektor
 - Semburan ORS dilaksanakan untuk setahun di lokaliti pendaftaran kes.
 - Larviciding jika pembiakan/ tempat potensi pembiakan ditemui.
- f. Pendidikan kesihatan mengenai pencegahan jangkitan dan gigitan nyamuk dan pengurusan sisa makanan domestik.
- g. Kajian entomologi
- h. Kajian Bioassay untuk semburan ORS
- i. Kawalan populasi *Macaca*
- j. Kerjasama pelbagai agensi

3.6 Pengurusan kes bukan peridomestik

Pengurusan kes bukan peridomestik merangkumi aspek seperti berikut:

- i. Menyiasat kes dan mengenalpasti punca jangkitan kes dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh kes dinotifikasikan
- ii. Rawatan kes.
- iii. Tindakan susulan (*Follow up* pada hari ke-7, 14, 21 dan 28 selepas rawatan).
- iv. Saringan kontak kepada kes.
- v. Kajian entomologi
- vi. Pendidikan kesihatan mengenai pencegahan jangkitan dan gigitan nyamuk dan pengurusan sisa makanan domestik.
- vii. Kerjasama pelbagai agensi.

3.7 Pengurusan kes malaria knowlesi import

Pengurusan kes malaria knowlesi (Import) termasuk pengurusan kes (siasatan, rawatan & susulan kes), saringan kontak kepada kes, kajian entomologi jika kematian dilaporkan, pendidikan kesihatan dan kerjasama dengan agensi berkenaan untuk pengurusan kes.

BAB 4 KAWALAN DAN PENCEGAHAN MALARIA KNOWLESI JANGKA PANJANG

Bagi kawalan dan pencegahan malaria knowlesi jangka panjang, strategi kawalan perlu disusun berdasarkan beban penyakit di kawasan tertentu. Untuk tujuan ini, suatu sistem stratifikasi perlu dibuat bagi memastikan agihan sumber dilaksanakan secara saksama.

4.1 Stratifikasi beban penyakit

Untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Labuan, stratifikasi beban penyakit dibuat mengikut mukim. Manakala, stratifikasi beban penyakit di Sarawak adalah mengikut daerah. JKN/ PKD perlu melaksanakan stratifikasi di peringkat mukim atau daerah berdasarkan median kadar insiden malaria knowlesi 3 tahun sebelumnya (**Lampiran 7a**).

Mukim atau daerah yang mempunyai median kadar insiden 1 per 1000 penduduk atau lebih dikategorikan sebagai Mukim Beban Tinggi (MBT) atau Daerah Beban Tinggi (DBT), manakala mukim yang mempunyai median kadar insiden kurang dari 1 per 1000 penduduk dikategorikan sebagai Mukim Beban Rendah (MBR) atau Daerah Beban Rendah (DBR).

4.2 Penentuan lokaliti keutamaan


Seterusnya bagi mengoptimalkan penggunaan sumber, PKD boleh memilih lokaliti keutamaan untuk pelaksanaan intervensi melalui kriteria seperti berikut:

- lokaliti yang pernah melaporkan kluster atau
- lokaliti yang pernah melaporkan kes malaria knowlesi tahun sebelumnya, atau
- lokaliti dengan tahap *receptivity* yang tinggi atau terdapat kemunculan populasi macaca

Senarai lokaliti malaria knowlesi mengikut stratifikasi beban penyakit malaria knowlesi yang merangkumi maklumat data asas lokaliti termasuk bilangan penduduk, bilangan rumah, koordinat, jenis kawalan vektor utama yang dilaksanakan dan sebagainya perlu direkodkan (**Lampiran 7b**).

4.3 Pelaksanaan intervensi mengikut stratifikasi beban penyakit

Sebagai strategi kawalan dan pencegahan, kawalan vektor menggunakan kaedah ORS dan edaran LLIN serta kawalan populasi macaca perlu dilaksanakan. Bagi lokaliti dalam MBT/DBT, kawalan vektor utama iaitu ORS dan LLIN perlu dilaksanakan. Kawalan populasi macaca juga perlu dilaksanakan. Bagi Mukim Beban Rendah/ Daerah Beban Rendah, fokus diberi kepada rawatan dan susulan kes. Proses penentuan strategi pencegahan malaria knowlesi dan penentuan jenis kawalan vektor mengikut stratifikasi beban penyakit adalah seperti di **Gambarajah 6**.



Gambarajah 6: Proses stratifikasi dan penentuan jenis kawalan vektor bagi pencegahan malaria knowlesi

BAB 5 KAWALAN VEKTOR *P. knowlesi*

Sehingga kini, tiada saranan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk kawalan vektor *P. knowlesi*. Disebabkan tabiat vektor *P. knowlesi* di Malaysia adalah mengigit dan berehat di luar rumah, strategi kawalan malaria *knowlesi* memerlukan pelaksanaan strategi kawalan vektor yang fokus kepada jangkitan yang berlaku di luar rumah.

Pada tahun 2016 dan 2017, satu (1) kajian bertajuk *Indoor and ORS of a Novel Formulation of Deltamethrin K-Othrine®(Polyzone) for the Control of Simian Malaria in Sabah* telah dijalankan oleh IMR menggunakan racun serangga piretroid sintetik formulasi *suspension concentrate, polymer enhanced* (SC-PE). Hasil kajian mendapati semburan ORS menggunakan racun serangga ini adalah berkesan mengawal vektor *P. knowlesi* untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan di semua jenis permukaan iaitu permukaan kayu, buluh dan konkrit¹⁹.

Sehubungan itu, bagi mengurangkan kadar kejadian kes malaria *knowlesi*, ORS menggunakan racun serangga piretroid sintetik formulasi SC-PE telah diperkenalkan sebagai kawalan vektor *P. knowlesi* di Malaysia.

5.1 Kaedah kawalan vektor *P. knowlesi*

5.1.1 Kawalan vektor utama (core intervention) untuk *P. knowlesi*.

Untuk Malaysia, kawalan vektor *P. knowlesi* utama yang disarankan adalah:


i. ORS

ORS adalah semburan racun serangga pada permukaan luar rumah/ premis termasuk permukaan luar kandang binatang/ reban ayam struktur lain dan pokok-pokok hiasan renek yang berdekatan dengan rumah (dalam lingkungan 5 meter dari rumah/ premis kediaman). Ilustrasi semburan IRS dan ORS adalah seperti dalam **Gambarajah 7**. ORS boleh dilaksanakan dalam keadaan seperti berikut:

- a. Lokaliti satu kes jangkitan peridomestik
- b. Lokaliti kluster jangkitan peridomestik
- c. Lokaliti keutamaan di Daerah/Mukim Beban Tinggi (MBT/DBT)

Nota:

ORS tidak boleh digunakan untuk menggantikan IRS di lokaliti berisiko jangkitan malaria manusia.



Gambarajah 7: Ilustrasi semburan IRS dan ORS

ii. LLIN

Penggunaan LLIN adalah untuk lokaliti beban tinggi malaria knowlesi.

LLIN juga boleh diedarkan kepada mereka yang terlibat dengan aktiviti berisiko.

5.1.2 Kawalan vektor sokongan (*Supplementary Intervention*) untuk *P. knowlesi*

i. *Larval Souce Management* (LSM)

LSM ialah pengurusan habitat akuatik yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk dengan mengganggu kitaran hidup nyamuk semasa peringkat telur, larval dan pupa. Empat (4) kaedah LSM adalah:

- Pengubahsuaian habitat (*Habitat modification*): Perubahan kekal pada persekitaran dengan tujuan untuk menghapuskan habitat larva
- Manipulasi habitat (*Habitat manipulation*): Perubahan sementara pada persekitaran untuk mengganggu pembiakan nyamuk
- Kawalan biologi: Pengenalan pemangsa semula jadi ke dalam habitat larva
- Larvisid (*Larvaciding*): Penggunaan racun serangga biologi atau kimia pada habitat akuatik.

Larvaciding merupakan kaedah LSM yang paling umum dilaksanakan di Malaysia. *Larvaciding* boleh dilaksanakan sebagai intervensi sokongan (*Supplementary Intervention*) jika kluster malaria knowlesi (jangkitan peridomestik) dan kes peridomestik malaria knowlesi dilaporkan. Namun, pelaksanaan *larvaciding* boleh diabaikan sekiranya didapati tidak sesuai, tidak kos efektif (habitat larva yang terlalu besar, sukar dilaksanakan, mengganggu pelaksanaan ORS dan lain-lain faktor). *Larvaciding* boleh dilakukan oleh anggota kesihatan dengan bantuan komuniti atau syarikat.

Pemilihan kaedah LSM yang lain perlu dibuat dengan mengambil kira faktor kebolehlaksanaan dan kesesuaian pelaksanaan. Antara perkara yang perlu dibuat pertimbangan semasa melaksanakan kaedah LSM yang lain adalah:

- Keberkesanan: sama ada ia akan mengurangkan populasi vektor dewasa dan seterusnya mengurangkan penularan malaria di lokaliti. Sekiranya ya, sama ada kaedah tersebut boleh dilaksanakan secara berterusan.
- Peruntukan dan Kos: Kos termasuk bahan/produk dan tenaga pekerja (terutamanya jika perlu perlaksanaan berulang dan kerap, pemantauan dan penilaian).
- Kesan terhadap alam sekitar: seperti mengganggu sumber air untuk haiwan dan pertanian, mengganggu kitaran hidup haiwan akuatik dan lain-lain.
- Keselamatan dan kesihatan anggota pekerja dan komuniti.
- Perundangan berkaitan.

5.2 Pelaksanaan kawalan vektor utama

ORS wajib dijalankan di lokaliti kluster malaria knowlesi, lokaliti satu (1) kes jangkitan peridomestik, manakala gabungan ORS dan LLIN dilaksanakan di lokaliti beban tinggi jangkitan *P. knowlesi*.

Tatacara pelaksanaan ORS dan LLIN adalah seperti pelaksanaan IRS dan LLIN untuk kawalan vektor malaria manusia. Rujuk *Guidelines of Malaria Vector Control in Malaysia* untuk maklumat lanjut.

Ringkasan pemilihan jenis kawalan vektor dan pelaksanaan kawalan vektor utama berdasarkan jenis lokaliti adalah dalam **Jadual 3**.

Jadual 3: Pemilihan jenis kawalan vektor utama dan pelaksanaan berdasarkan jenis lokaliti

Bil	Jenis Lokaliti	Jenis Kawalan Vektor Utama	Pelaksanaan Kawalan Vektor Utama
i	Lokaliti satu (1) kes jangkitan peridomestik tahun semasa	ORS	- Meliputi keseluruhan premis (100%). 1 pusingan atau jangka masa aktiviti selama 6 bulan
ii	Lokaliti kluster malaria knowlesi jangkitan peridomestik tahun semasa	ORS	- Meliputi keseluruhan premis (100%) dalam 5 hari di lokaliti. 2 pusingan atau jangka masa aktiviti selama setahun
iii	Lokaliti di Daerah/ Mukim Beban Tinggi malaria knowlesi ($\geq 1/1000$ penduduk)	ORS dan LLIN	- ORS: Meliputi keseluruhan premis (100%) - LLIN: Meliputi semua penghuni (100%) 4 pusingan atau jangka masa aktiviti selama 2 tahun

5.2.1 Pelaksanaan kawalan vektor utama untuk lokaliti satu (1) kes jangkitan peridomestik:

i. ORS

ORS perlu dijalankan dan dilengkapkan dalam 5 hari di lokaliti pendaftaran kes dengan meliputi keseluruhan premis di lokaliti (100% premis). Kekerapan semburan residu adalah bergantung kepada jenis racun serangga yang digunakan. Jangka masa aktiviti adalah **selama 6 bulan**.

Bagi lokaliti yang melaksanakan semburan IRS sedia ada, semburan IRS perlu diteruskan dengan tambahan pelaksanaan semburan ORS. Bagi lokaliti yang tiada semburan IRS sebelum ini, hanya ORS perlu dilaksanakan (**Gambarajah 8**).

5.2.2 Pelaksanaan kawalan vektor utama di lokaliti kluster malaria knowlesi

i. ORS

ORS perlu dilaksanakan dan dilengkapkan dalam 5 hari di lokaliti

pendaftaran kes dengan meliputi keseluruhan premis di lokaliti (100% premis). Kekerapan semburan residu adalah bergantung kepada jenis racun serangga yang digunakan. Jangka masa aktiviti adalah **selama setahun**.

Bagi lokaliti yang mempunyai aktiviti IRS/ITN/LLIN, aktiviti sedia ada perlu diteruskan dengan tambahan pelaksanaan semburan ORS. Bagi lokaliti yang tiada semburan IRS sebelum ini, ORS perlu dilaksanakan (**Gambarajah 8**).

5.2.3 Pelaksanaan kawalan vektor utama di lokaliti keutamaan di daerah/ mukim beban tinggi malaria knowlesi

i. ORS

ORS perlu dilaksanakan dan dilengkapkan dalam 5 hari di lokaliti lokaliti beban tinggi malaria knowlesi dengan meliputi keseluruhan premis di lokaliti (100% premis). Kekerapan semburan residu adalah bergantung kepada jenis racun serangga yang digunakan. Jangka masa aktiviti adalah **selama dua (2) tahun**.

ii. LLIN

Pengedaran LLIN untuk semua penghuni di lokaliti beban tinggi malaria knowlesi untuk tempoh dua (2) tahun dengan pemeriksaan setiap 6 bulan. Jangka masa aktiviti adalah **selama dua (2) tahun**. Bagi lokaliti yang melaksanakan aktiviti IRS/ITN/LLIN, aktiviti sedia ada perlu diteruskan dengan tambahan pelaksanaan semburan ORS & LLIN. Bagi lokaliti yang tiada semburan IRS atau LLIN sebelum ini, ORS dan LLIN perlu dilaksanakan (**Gambarajah 8**).

Nota:

Rujuk **Lampiran 8** untuk Perancangan dan pelaksanaan ORS dan edaran LLIN untuk kawalan vektor *P. knowlesi*.

5.3 Penilaian Keberkesanan Semburan ORS Melalui Bioassay

Bagi memastikan semburan ORS yang dilaksanakan adalah berkesan, penilaian melalui *wall bioassay* perlu dijalankan dalam tempoh dua (2) minggu selepas semburan ORS di lokaliti kluster malaria knowlesi selesai dilaksanakan untuk lokaliti yang menggunakan racun serangga K-Othrine Polyzone.

5.4 Keputusan untuk memberhentikan kawalan vektor utama *P. knowlesi*

Keputusan untuk menghentikan kawalan vektor utama *P. knowlesi* adalah berdasarkan beban jangkitan *P. knowlesi* di lokaliti tersebut. Sekiranya

beban penyakit malaria zoonotik masih tinggi ($>1/1000$ populasi), kawalan vektor utama perlu diteruskan.


5.5 Pelaksanaan kawalan vektor sokongan

i. *Larvaciding*

Larvaciding dilaksanakan jika pembiakan/ tempat potensi pembiakan ditemui di lokaliti jangkitan peridomestik sama ada satu (1) kes atau lokaliti kluster. Kekerapan pelaksanaan adalah bergantung kepada kemampuan pasukan kawalan vektor.

ii. Kaedah LSM yang lain

Pelaksanaan kawalan vektor menggunakan kaedah LSM yang lain adalah berdasarkan faktor kebolehlaksanaan dan kesesuaian pelaksanaan setelah perbincangan dengan agensi yang terlibat.



Gambarajah 8: Algoritma Pemilihan Kawalan Vektor Utama Malaria Knowlesi

BAB 6 ENTOMOLOGI

Kajian entomologi perlu dijalankan supaya maklumat mengenai vektor pembawa penyakit malaria zoonotik dapat digunakan untuk pengurusan aktiviti intervensi dengan kaedah dan kos yang lebih efektif. Aktiviti kajian melalui Siasatan Entomologi (*Entomological Investigation* – EI) perlu dijalankan jika:

- i. Kes kematian malaria knowlesi dilaporkan - EI dijalankan di lokaliti pendaftaran kes/ tempat tinggal kes.
- ii. Kluster kes malaria knowlesi (Jangkitan peridomestik) dilaporkan - EI dijalankan di lokaliti pendaftaran kluster
- iii. Jika maklumat bionomik vektor belum dikenalpasti, semua kes malaria knowlesi yang didaftarkan perlu dijalankan kajian EI.

ERA boleh dilaksanakan di Daerah Beban Tinggi/ Mukim Beban Tinggi malaria knowlesi. Pemilihan lokaliti di Daerah Beban Tinggi/ Mukim Beban Tinggi untuk melaksanakan ERA boleh dilaksanakan di lokaliti yang menunjukkan kehadiran *macaca*.

Maklumat situasi persekitaran dan status vektor *P. knowlesi* yang perlu diperolehi semasa kajian entomologi adalah seperti berikut:

- i. Kehadiran spesies *Anopheles* vektor *P. knowlesi*
- ii. Densiti vektor di lokaliti.
- iii. Tabiat dan bionomik vektor
- iv. Taburan habitat pembiakan vektor
- v. Kehadiran monyet di lokaliti

Maklumat-maklumat di atas penting bagi mengetahui risiko transmisi malaria knowlesi berdasarkan tahap *receptivity* dan seterusnya menentukan tindakan kawalan dan pencegahan yang bersesuaian. Penilaian risiko ini dijalankan dengan menggunakan Borang Penentuan *Receptivity* yang sedia ada seperti dalam Garis Panduan Pencegahan Malaria *Re- Introduction* (KKM, 2016).

Aktiviti kajian entomologi yang dilaksanakan terdiri daripada:

- i. PAKEPA (Penilaian Awal Kesesuaian Ekologi Bagi Pembiakan *Anopheles*)
- ii. Kajian Habitat Pembiakan *Anopheles*
- iii. Kajian Dewasa *Anopheles*

6.1 Aktiviti Kajian Entomologi

6.1.1 PAKEPA

PAKEPA ialah Penilaian Awal Kesesuaian Ekologi Bagi Pembiakan *Anopheles*. Ia merupakan prosedur pertama dalam proses menentukan tahap *receptivity* lokaliti hijau pada fasa pre-eliminasi yang belum mempunyai sebarang maklumat entomologi.

Bagi surveilan entomologi kes malaria knowlesi, PAKEPA perlu dilaksanakan untuk merancang liputan aktiviti entomologi di lokaliti.

Sebelum kajian entomologi, peta lokasi perlu disediakan terlebih dahulu sebelum ke lapangan. Koordinat rumah kes perlu dikenalpasti daripada laporan siasatan kes dan ditandakan pada peta. Semasa di lapangan, tinjauan ekologi dan persekitaran dijalankan dalam lingkungan 2km daripada rumah kes bagi mengenalpasti punca-punca sumber air semulajadi, kewujudan jenis dan bilangan habitat berair (*water bodies*), bentuk muka bumi, keadaan dan jenis vegetasi dan sebagainya bagi menentukan sama ada keadaan ekologi di sesuatu lokaliti itu sesuai atau berpotensi sebagai habitat pembiakan *Anopheles*. Ia juga bertujuan untuk menentukan lokasi sesuai untuk dijadikan stesen kajian entomologi. Prosedur pelaksanaan PAKEPA ini boleh dirujuk daripada Garis Panduan Pencegahan Malaria *Re-Introduction* (KKM, 2016).

6.1.2 Kajian Habitat Pembiakan *Anopheles*

Kajian habitat pembiakan *Anopheles* khusus kumpulan *leucosphyrus* perlu dilakukan untuk menentukan spesies, biologi, densiti dan taburan habitat pembiakan di lokaliti. Aktiviti yang dijalankan adalah mencari dan mengenalpasti tempat berpotensi yang menjadi pembiakan nyamuk *Anopheles* (*Anopheles Larva Survey*) melalui kaedah *dipping*.

6.1.3 Kajian Nyamuk *Anopheles* Dewasa

Kaedah kajian yang perlu dijalankan meliputi *Human Landing Catch* (HLC), *Animal Bait Trap* (ABT), *Human Bait Trap* (HBT), *Resting Catch* (RC) dan tangkapan menggunakan peralatan perangkap nyamuk (*trapping device*).

Nyamuk dewasa yang diperolehi (vektor *P. knowlesi* sahaja) perlu dijalankan pembedahan ke atas ovari bagi mengetahui status parity. Jika nyamuk adalah parous, pembedahan turut dijalankan ke atas

kelenjar liur bagi mengesan sporozoit. Sekiranya terdapat kehadiran sporozoit pada kelenjar liur, spesimen nyamuk tersebut diawet dan dihantar ke makmal untuk ujian PCR bagi menentukan spesies parasit.

Protokol pelaksanaan kajian habitat dan nyamuk dewasa adalah seperti yang digariskan Manual on Practical Entomology in Malaria Part I & II (WHO, 1975) dan Prosedur Kajian Kajiserangga Penyakit Malaria (KKM,2009).

6.2 Tempoh Pelaksanaan

EI perlu dimulakan dalam tempoh tiga (3) hari daripada tarikh daftar kes mati malaria knowlesi/ tarikh kluster didaftarkan.

6.3 Pelaporan Hasil Kajian Entomologi

Laporan lengkap hasil kajian entomologi yang telah disemak dan diulas oleh Pegawai Sains (Kaji Serangga) Negeri beserta cadangan tindakan perlu dikemukakan kepada Unit Vektor PKD dan sesalinan dihantar kepada Ketua Penolong Pengarah Kanan (Vektor), Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor dan Ketua Sektor Entomologi dan Pest, IPKKM dalam tempoh dua (2) minggu setelah kajian selesai dilaksanakan.

Data *receptivity* terkini perlu dimaklumkan kepada Unit Vektor PKD untuk tujuan dokumentasi.

BAB 7 ADVOKASI

Penduduk yang terlibat dengan aktiviti berisiko dan memasuki kawasan yang berisiko jangkitan *P. knowlesi* perlu mengambil langkah-langkah mencegah jangkitan dan gigitan nyamuk. Jangkitan malaria dapat dicegah dengan pengambilan ubat kemoprofilaksis dan mengambil langkah pencegahan gigitan nyamuk.

7.1 Rawatan kemoprofilaksis

Rawatan kemoprofilaksis malaria adalah pengambilan ubat untuk mencegah jangkitan malaria. Ubat yang boleh digunakan sebagai rawatan kemoprofilaksis untuk jangkitan *P. knowlesi* adalah doxycycline, malarone (Atovaquone/ Proguanil) atau mefloquine (Lariam). Ianya adalah sama seperti yang digunakan untuk malaria manusia seperti yang termaktub dalam *Management Guidelines of Malaria in Malaysia*².

Memandangkan ubat pencegahan perlu diambil bermula beberapa hari sebelum memasuki hutan dan perlu diteruskan tujuh (7) hari hingga empat (4) minggu selepas keluar dari hutan, pengambilan kemoprofilaksis hanya bersesuaian untuk mereka yang memasuki hutan melebihi tujuh (7) hari. Jenis ubat untuk Rawatan kemoprofilaksis adalah seperti dalam **LAMPIRAN 9**. Untuk mendapatkan nasihat penggunaan ubat kemoprofilaksis, boleh merujuk ke PKD terdekat. Ubat ini boleh didapati di Farmasi dengan preskripsi pegawai perubatan atau klinik kesihatan.

7.2 Pencegahan dari Gigitan Nyamuk

Penggunaan PPE seperti memakai pakaian yang menutupi tubuh badan, penggunaan repelen, tidur dalam kelambu semasa melaksanakan aktiviti berisiko jangkitan *P. knowlesi* dapat melindungi individu daripada gigitan nyamuk dan seterusnya mencegah transmisi jangkitan *P. knowlesi*⁷.

Penggunaan PPE adalah disarankan kepada mereka yang terdedah kepada aktiviti berisiko seperti dinyatakan dalam Para 2.3.1.

Bagi mencegah gigitan nyamuk, langkah-langkah seperti berikut boleh diambil:

- i. Memakai pakaian yang menutupi tubuh badan.
- ii. Menggunakan bahan penghalau serangga (repelen) dengan perawis aktif yang didapati berkesan terhadap nyamuk/ serangga seperti DEET, IR3535, Picaridin/ icaridin dan sebagainya²¹.
- iii. Menggunakan alat penghalau nyamuk mudah-alih seperti lingkaran nyamuk.
- iv. Tidur dalam kelambu jika perlu bermalam di kawasan hutan.
- v. Memakai pakaian yang telah dirawat dengan racun serangga (ITC).

Pengambilan langkah-langkah di atas dapat melindungi individu daripada gigitan nyamuk dan seterusnya mencegah transmisi jangkitan *P. knowlesi*.

Nota:

ITC merujuk kepada pakaian/ baju yang dirawat dengan racun serangga yang dapat memberi perlindungan kepada manusia daripada gigitan nyamuk.

7.3 Pendidikan Kesihatan

Memandangkan transmisi malaria knowlesi berbeza daripada malaria manusia, oleh itu aktiviti pendidikan kesihatan perlu ditumpukan kepada orang awam dan anggota kesihatan dengan dilengkapkan dengan maklumat terkini berkaitan malaria knowlesi. Maklumat berikut perlu dimasukkan dalam aktiviti pendidikan kesihatan seperti berikut:

- i. biologi
- ii. transmisi
- iii. diagnosis
- iv. tanda-tanda malaria knowlesi
- v. pengesanan dan rawatan
- vi. kumpulan berisiko/ aktiviti berisiko
- vii. taburan malaria
- viii. vektor
- ix. *reservoir*
- x. pencegahan gigitan nyamuk
- xi. rawatan pencegahan
- xii. kawasan-kawasan berisiko jangkitan *P. knowlesi*
- xiii. menjaga kebersihan persekitaran dengan tidak membuang sisa- sisa makanan.

BAB 8 POPULASI MONYET MACACA SP.

8.1 Pengenalan

Monyet Macaca merupakan haiwan yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Akta 716) yang terpakai di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan, *Schedule 2 Protected Species of Animals and plants-limited Hunting and Collection under license* dalam Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 (Sabah) dan *First Schedule Part II Protected Animals* dalam *Wild Life Protection Ordinance* 1998 (Sarawak).

8.2 Konflik Kera-Manusia

Anggaran populasi kera di Semenanjung Malaysia pada tahun 2017 adalah 716,940 ekor. Pada tahun 2018, anggaran populasi kera yang dijumpai di pinggir hutan (konflik) adalah 73,940 (10%). Kekurangan habitat merupakan antara faktor yang menimbulkan konflik kera- manusia.

Dari tahun 2013 hingga 2018, sebanyak 40,557 aduan mengenai gangguan hidupan liar telah diterima oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 25,005 (62%) adalah aduan melibatkan gangguan kera dan 1,722 melibatkan gangguan beruk.

Untuk **Semenanjung Malaysia**, Pejabat Kesihatan Daerah boleh memaklumkan kepada **Jabatan PERHILITAN** sekiranya terdapat kehadiran macaca di lokaliti yang berlaku jangkitan *P. knowlesi*. Untuk **Sabah**, pelaporan adalah kepada **Jabatan Hidupan Liar Sabah** dan untuk **Sarawak** pelaporan dibuat kepada **Jabatan Hutan Sarawak**.

8.3 Strategi Bersepadu Kawalan Populasi Macaca

Untuk memastikan kawalan penularan jangkitan *P. knowlesi*, suatu tindakan bersepadu perlu dilaksanakan yang melibatkan KKM, Jabatan PERHILITAN, Jabatan Hidupan Liar, Penyelidik dari Institusi Penyelidikan tempatan dan lain-lain agensi yang berkepentingan.

Keputusan untuk melaksanakan kawalan populasi macaca perlu dibuat dengan mengambil kira taburan jangkitan *P. knowlesi* dalam kalangan manusia, taburan jangkitan malaria knowlesi pada monyet macaca di kawasan yang terlibat.

BAB 9 PENDEKATAN BERSEPADU KAWALAN DAN PENCEGAHAN MALARIA KNOWLESI DI MALAYSIA

Mengambil kira kepelbagaian aspek dan pelbagai agensi di lapangan yang perlu dipertimbangkan dalam menyusun strategi berkesan kawalan dan pencegahan malaria knowlesi, suatu pendekatan bersepadu diperlukan dengan menggabungkan kesemua kaedah kawalan dan pencegahan yang ada termasuk surveilan, pengesanan dan pengurusan kes, kawalan vektor, pencegahan jangkitan & gigitan nyamuk, pendidikan kesihatan, kawalan populasi macaca, kerjasama pelbagai sektor dan penyelidikan.

Antara agensi yang terlibat serta peranannya adalah seperti dalam **Jadual 4**.

Jadual 4: Agensi Dan Peranan Dalam Kawalan Malaria knowlesi

BIL	AGENSI	PERANAN
